

Dasar Privasi

Turnitin merupakan bahagian pendidikan iParadigms, LLC, sebuah syarikat yang mana, sebagai sebahagian daripada perkhidmatannya, hendaklah mengumpulkan dan menyimpan maklumat khusus yang peribadi daripada penggunaanya berhubung dengan misi pendidikannya dan untuk memenuhi obligasi kontraktualnya kepada institusi pendidikan.

Privasi anda penting bagi kami. Kami mengemukakan Dasar Privasi ini untuk menerangkan amalan maklumat dalam talian kami dan pilihan yang anda boleh buat mengenai cara maklumat peribadi anda dikumpulkan dan digunakan.

Dasar Privasi ini diguna pakai untuk semua maklumat yang dapat dikenal pasti secara peribadi yang dikumpulkan atau diserahkan pada tapak web Turnitin.com ("Tapak"). Untuk membuat Dasar Privasi ini mudah dicari, kami membuatnya tersedia pada laman utama kami dan pada setiap peringkat di mana maklumat dapat dikenal pasti secara peribadi mungkin diminta. Walaupun Tapak ini menyediakan pautan kepada tapak web pihak ketiga, ia tidak dilindungi oleh Dasar Privasi ini. Turnitin tidak bertanggungjawab ke atas privasi atau keselamatan maklumat yang anda sediakan kepada mana-mana pihak ketiga menerusi tapak web yang dihubungkan atau mana-mana cara yang lain.

Dengan menggunakan Tapak ini, anda bersetuju bahawa anda telah mengulas dan memahami Dasar Penggunaan kami dan Dasar Privasi ini sehingga anda berpuas hati sepenuhnya, dan bahawa anda menerima dan tertakluk kepada Dasar Penggunaan kami dan Dasar Privasi ini, dan bahawa Turnitin dibenarkan untuk menggunakan maklumat peribadi anda seperti yang dikemukakan di bawah.

1. Maklumat Peribadi

Pendaftaran

Maklumat peribadi diminta untuk pendaftaran bagi perkhidmatan kami untuk tujuan yang berikut:

1. Untuk mengesahkan identiti pendaftar berhubung dengan kuasanya untuk mendaftarkan berhubung dengan institusi akademik tertentu.
2. Untuk mendapatkan maklumat hubungan yang paling lengkap untuk pentadbiran akaun pendaftar.
3. Untuk memaklumkan pendaftar mengenai perubahan dalam kefungsiannya Turnitin, perkhidmatan tambahan Turnitin dan promosi Turnitin.

Percubaan

Maklumat peribadi diminta untuk penggunaan percubaan perkhidmatan kami untuk tujuan yang berikut:

1. Untuk memaklumkan pengguna percubaan mengenai perubahan dalam kefungsiannya Turnitin, perkhidmatan tambahan Turnitin dan promosi Turnitin.

2. Untuk meminta penilaian dan cadangan pengguna percubaan bagi perkhidmatan Turnitin.

Penyerahan Kertas Tugas

Maklumat peribadi diminta untuk akses kepada halaman web penyerahan kertas tugas kami bagi tujuan berikut:

1. Untuk mengenal pasti individu yang berkaitan dengan mana-mana teks yang dimuat naik.
2. Untuk menyediakan penerimaan dan pengesahan bagi muat naik teks yang berjaya.

Jenis maklumat yang kami minta dikaitkan dengan tujuan yang dicatat di atas. Sebagai contoh, kami mengumpulkan maklumat hubungan peribadi seperti nama, alamat fizikal, nombor telefon dan alamat e-mel untuk pengguna berdaftar bagi memudahkan penggunaan perkhidmatan Turnitin dan memudahkan perhubungan pelanggan. Selain daripada penggunaan tertentu yang dicatatkan di atas, Turnitin juga menggunakan maklumat yang dapat dikenal pasti anda untuk memproses permintaan dan urus niaga anda.

Turnitin juga boleh menggunakan maklumat yang dapat dikenal pasti secara peribadi anda untuk menghalang penipuan, untuk melindungi kepentingan undang-undang kami, untuk mematuhi atau memberi maklum balas kepada proses perundangan, dan untuk mematuhi dengan undang-undang yang diguna pakai.

Jika anda berumur di bawah tiga belas (13) tahun, Turnitin tidak akan menggunakan maklumat peribadi anda untuk sebarang tujuan lain selain daripada yang dikemukakan di atas.

Jika anda berumur tiga belas (13) tahun atau lebih, Turnitin mungkin juga menggunakan maklumat peribadi anda untuk menawarkan atau memberikan produk dan perkhidmatan tambahan dan untuk memperibadikan jenis maklumat yang anda terima daripada Turnitin.

Akses kepada maklumat peribadi oleh pihak ketiga hanya akan berlaku melalui kebenaran bertulis atau elektronik oleh pengguna berdaftar seperti yang dinyatakan dalam perjanjian pendaftaran kami dan tidak akan disediakan secara individu untuk pengguna di bawah umur tiga belas (13) tahun. Kelulusan ini termasuk, tapi tidak terhad kepada, seorang pengguna berdaftar yang membenarkan Turnitin untuk menyediakan maklumat hubungannya kepada pengguna berdaftar lain untuk penjejakan analisis sumber dokumen. Sebagai contoh, jika bahan yang dimuat naik ke pangkalan data kami sepadan dengan bahan daripada muat turun yang kemudian, maklumat hubungan yang berkaitan dengan yang dahulu diberikan kepada pengguna berdaftar yang berkaitan dengan muat turun kemudian untuk susulan, jika yang sebelumnya membenarkan secara khusus. Sambil kami meneruskan untuk mengembangkan perniagaan kami, kami mungkin menjual atau membeli perniagaan atau aset atau Turnitin mungkin diambil alih oleh syarikat lain. Dalam mana-mana keadaan tersebut, maklumat peribadi dalam pangkalan data kami mungkin akan dimasukkan dalam aset yang dipindahkan, kecuali maklumat peribadi untuk pengguna yang berumur bawah tiga belas (13) tahun tidak akan dianggap aset untuk jualan atau pindahan.

Kami menggunakan maklumat yang dapat dikenal pasti bukan secara peribadi, seperti alamat IP, untuk menilai arah aliran dalam penggunaan Tapak kami atau membeli produk atau perkhidmatan, memudahkan penyelidikan pasaran dan kajian statistik, membangunkan

kandungan dan kefungsiannya yang membantu kami memberikan khidmat kepada keperluan pengguna kami dan mempertingkatkan perkhidmatan dan produk yang kami sediakan.

2. Kuki

Apabila anda melawat Tapak, kami mungkin meletakkan "kuki," satu fail komputer kecil yang mengandungi maklumat mengenai pengguna, pada komputer anda untuk membantu kami mengenali dan melayan anda dengan lebih baik apabila anda kembali. Kuki sama sekali tidak dikaitkan dengan maklumat dapat dikenal pasti secara peribadi. Sebaik sahaja anda menutup pelayar anda, kuki berhenti dengan mudah. Misalnya, dengan menetapkan kuki pada Tapak kami, anda tidak perlu melog masuk kata laluan lebih daripada sekali, justeru menjimatkan masa ketika berada di Tapak kami. Jika anda tidak menerima kuki, anda masih lagi boleh menggunakan Tapak kami. Hanya satu kelemahan tentang perkara ini ialah anda akan dihadkan dalam sesetengah kawasan di Tapak kami. Kuki membolehkan kami menjejak dan menyasarkan minat pengguna untuk mempertingkatkan pengalaman pada Tapak kami. Sesetengah daripada rakan kongsi perniagaan kami menggunakan kuki pada Tapak kami (cth., pengiklan). Walau bagaimanapun, kami tidak mempunyai akses atau kawalan terhadap kuki ini.

3. Pilihan

Apabila anda menyediakan maklumat yang dapat dikenal pasti secara peribadi kepada kami, jika anda berumur tiga belas (13) tahun atau lebih, anda akan berupaya untuk memilih sama ada kami mungkin mendedahkan maklumat tersebut dalam bentuk dapat dikenal pasti secara peribadi kepada pihak ketiga atau maklumat mungkin boleh digunakan dalam bentuk yang dapat dikenal pasti secara peribadi untuk tujuan yang berlainan daripada tujuan yang mana ia dikumpulkan pada asalnya atau yang anda telah berikan kebenaran kemudiannya.

Jika anda berumur tiga belas (13) tahun atau lebih, Anda akan mendapat peluang untuk memilih untuk tidak menerima komunikasi daripada kami semasa kami mula-mula meminta maklumat peribadi anda. Anda juga boleh memilih untuk tidak menerima komunikasi lanjut daripada kami dengan menghantar e-mel kepada optout@turnitin.com.

Jika anda berumur bawah tiga belas (13) tahun, tidak ada sebarang maklumat akan didedahkan dalam bentuk dapat dikenal pasti secara peribadi kepada mana-mana pihak ketiga, melainkan untuk tujuan pendidikan yang mana ia dikumpulkan pada asalnya.

Anda boleh meminta pemindahan maklumat dapat dikenal pasti secara peribadi anda dari pangkalan data kami dengan menghubungi kami seperti yang dicatatkan dalam Seksyen 12 (Notis) di bawah. Untuk menghormati permintaan anda, kami akan memerlukan maklumat tepat yang anda mahu dipindahkan, dan maklumat yang cukup untuk kami mengenal pasti jenis komunikasi yang anda terima daripada kami.

4. Pindahan kepada Pihak Ketiga yang Tidak Berkaitan

Jika anda berumur bawah tiga belas (13) tahun, kecuali berkaitan dengan tujuan pendidikan yang mana ia dikumpulkan pada asalnya, tiada sebarang maklumat dapat dikenal pasti secara peribadi akan disediakan kepada pihak ketiga.

Jika kami pindahkan maklumat dapat dikenal pasti secara peribadi kepada pihak ketiga yang bertindak sebagai ejen kami, kami akan memerlukan pihak ketiga tersebut bersetuju dengan keperluan kerahsiaan.

5. Mengakses atau Mengubah Maklumat Peribadi Anda

Anda boleh mengakses, membetulkan, meminda atau menghapuskan maklumat peribadi yang anda telah sediakan untuk kami pada bila-bila masa melalui Tapak ini dengan mengikuti langkah-langkah berikut ini:

1. Log masuk ke dalam akaun anda menggunakan nama pengguna dan kata laluan anda.
2. Klik pautan “maklumat pengguna” pada bar navigasi untuk membuka profil pengguna anda dan melihat, membetulkan, meminda atau menghapuskan maklumat peribadi.

6. Keselamatan

Kami mempunyai pelindung fizikal, elektronik dan tatacara untuk melindungi maklumat peribadi yang kami kumpulkan dalam talian, termasuk penggunaan kata laluan untuk mendapatkan akses kepada maklumat peribadi anda. Untuk melindungi privasi dan keselamatan anda, anda mesti menyimpan kata laluan anda secara sulit. Bagaimanapun, dengan langkah-langkah seperti itu sekalipun, tiada siapa akan dapat memberi jaminan bahawa pihak ketiga tanpa kebenaran tidak berupaya melangkaui langkah-langkah ini atau di sebaliknya mendapatkan maklumat yang anda sediakan di Internet.

7. Integriti Data

Kami akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dalam sistem kami adalah relevan untuk penggunaan yang disasarkannya, tepat, lengkap dan terkini.

8. Privasi Kanak-kanak

Melindungi privasi kanak-kanak adalah benar-benar penting. Seperti yang dikemukakan di atas, kami tidak pernah mengumpulkan atau mengekalkan maklumat peribadi di Tapak kami daripada mereka yang kami sebenarnya tahu berumur bawah tiga belas (13) tahun, kecuali berhubung dengan penunaian kewajipan kepada institusi pendidikan untuk tujuan pendidikan.

9. Penguatkuasaan

Turnitin akan menjalankan kajian semula pematuhan yang berkala untuk menentusahkan bahawa Dasar Privasi ini adalah tepat, menyeluruh, dipaparkan dengan ketara, lengkap, dilaksanakan dan boleh diakses. Mana-mana pekerja yang melanggar Dasar Privasi ini mungkin tertakluk kepada tindakan disiplin.

Jika anda rasa bahawa Turnitin tidak mematuhi Dasar Privasi ini, anda hendaklah menghubungi Turnitin seperti yang dicatatkan dalam Seksyen 12 (Notis) di bawah. Jika anda

tidak menerima perakuan mengenai pertanyaan anda atau pertanyaan anda tidak dikendalikan secara wajar, anda hendaklah kemudiannya menghubungi BBBOnLine di info@oakland.bbb.org. BBBOnLine akan bertindak sebagai pengantara dengan Turnitin untuk menyelesaikan kemusykilan anda.

10. Peraturan Khas yang Boleh Digunakan kepada Data yang Dikumpulkan atau Diproses dalam Kesatuan Eropah

Dasar Privasi ini digunakan kepada semua data yang dapat dikenal pasti secara peribadi yang tertakluk kepada Arahan Perlindungan Data 95/46 EC Kesatuan Eropah dan yang dipindahkan ke Amerika Syarikat, walaupun tidak dikumpulkan di Tapak ini. Turnitin telah mendaftar masuk ke dalam Sistem Perlindungan Keselamatan yang diwujudkan oleh Jabatan Perdagangan A.S untuk memenuhi keperluan Arahan Suruhanjaya Eropah mengenai Perlindungan Data.

Pindahan ke hadapan akan dibenarkan hanya jika orang atau entiti lain yang telah bersetuju untuk menyediakan tahap perlindungan memadai yang berterusan menerusi penyertaan dalam program Perlindungan Keselamatan atau satu daripada cara lain yang dibenarkan di bawah Arahan EU 95/46 EC dan undang-undang Negeri Ahli yang melaksanakan.

Jika anda mempunyai kemusykilan atau aduan mengenai pematuhan Turnitin dengan Prinsip Perlindungan Keselamatan, sila hubungi Turnitin seperti yang dicatatkan dalam Seksyen 12 (Notis) di bawah. Turnitin akan menyiasat kemusykilan atau aduan anda dan akan cuba untuk menyelesaikan perkara tersebut dengan anda. Jika anda tidak menerima perakuan mengenai pertanyaan anda atau pertanyaan anda tidak dikendalikan secara wajar, anda hendaklah menghubungi BBBOnLine di info@oakland.bbb.org. BBBOnLine akan bertindak sebagai pengantara dengan Turnitin untuk menyelesaikan kemusykilan anda.

11. Perubahan kepada Dasar ini

Kami berhak membuat perubahan kepada Dasar Privasi ini pada bila-bila masa. Sila semak Dasar Privasi apabila anda menggunakan Tapak untuk memastikan bahawa anda sedar tentang sebarang perubahan dalam amalan privasi kami. Dasar Privasi kami akan menunjukkan tarikh terakhir ia dikemas kini. Jika pada mana-mana peringkat kami memutuskan untuk menggunakan maklumat yang dapat dikenal pasti secara peribadi dalam cara yang berbeza daripada yang dinyatakan pada masa ia dikumpulkan, kami akan memaklumkan anda menerusi e-mel di alamat e-mel terakhir yang anda berikan kepada kami. Anda akan ada pilihan sama ada boleh atau tidak kami menggunakan maklumat anda dalam cara yang berbeza ini. Jika anda memilih untuk tidak membenarkan kami menggunakan maklumat anda dalam cara yang berbeza ini, kami akan terus menggunakan maklumat tersebut mengikut dasar privasi yang mana maklumat dikumpulkan.

12. Notis

Sila alamatkan semua pertanyaan berkaitan Dasar Privasi seperti berikut:

1. Hubungi kami menerusi e-mel di legal@iparadigms.com.
2. Dalam baris tajuk, taipkan "Turnitin Privacy Policy".

3. Nyatakan jenis yang tepat pertanyaan anda.
4. Sediakan kami dengan semua maklumat hubungan yang perlu untuk maklum balas susulan.

Privasi anda penting bagi kami. Dengan menyertai program Privasi BBBOOnline Majlis Biro Perniagaan Lebih Baik, kami telah memberi komitmen untuk memenuhi keperluan ketat program berkaitan dengan cara kami melayan maklumat anda dan memastikan ia ditentusahkan BBBOOnline. Maklumat lanjut mengenai program ini ada disediakan di <http://www.bbbonline.org>.